



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

Tel. : 09-621 3000/3001
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.23 (25)
Tarikh : 22 Februari 2026

Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah Negeri Terengganu

Tuan,

GARIS PANDUAN PENGURUSAN SAHSIAH DAN DISIPLIN MURID

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) mengingatkan pihak sekolah agar pengurusan kesalahan disiplin berat dilaksanakan secara berperingkat dan berhemah, selaras dengan prinsip pendidikan dan pembangunan sahsiah murid. Pihak sekolah dinasihatkan tidak terus menjatuhkan hukuman buang sekolah tanpa melalui langkah-langkah awal seperti amaran bertulis, hukuman rotan mengikut garis panduan, atau penggantungan sekolah, bagi memberi ruang kepada intervensi secara berfokus dilaksanakan terhadap murid terlibat.
3. Pihak JPNT menegaskan bahawa tindakan buang sekolah yang dibuat secara tergesa-gesa berisiko tinggi menyumbang kepada keciciran murid daripada sistem pendidikan, seterusnya menjejaskan masa depan murid berkenaan. Sehubungan itu, pendekatan pemulihan, bimbingan dan pembetulan sahsiah hendaklah diutamakan sebelum hukuman paling berat dipertimbangkan, kecuali bagi kes-kes yang benar-benar kritikal dan melibatkan keselamatan serius.
4. Dalam hal ini, pihak JPNT memohon agar kerjasama menyeluruh dilaksanakan dengan melibatkan semua warga sekolah, ibu bapa/penjaga, PIBG serta agensi berkaitan seperti Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menyokong usaha intervensi, pemantauan dan pemulihan sahsiah murid secara holistik dan berterusan.
5. Penegasan ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) berkaitan pengurusan disiplin murid yang sedang berkuat kuasa, termasuk peruntukan mengenai pelaksanaan hukuman disiplin secara berperingkat, penggunaan hukuman rotan mengikut prosedur, serta keutamaan intervensi dan kaunseling sebelum hukuman buang sekolah diputuskan melalui Mesyuarat Lembaga Tatatertib Sekolah.
6. Justeru, pihak JPNT berharap semua pihak dapat mematuhi garis panduan ini demi memastikan pengurusan disiplin murid dilaksanakan secara adil, berkesan dan berorientasikan pendidikan, tanpa mengabaikan kebajikan serta masa depan murid.

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.23 (25)

7. Pelaksanaan pengurusan sahiah dan tindakan disiplin murid hendaklah berpandukan kepada pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa, antaranya:

- 7.1 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2001 – Semua Guru Adalah Guru Disiplin;**
 - ▶ Menegaskan tanggungjawab kolektif semua guru dalam membentuk sahiah murid serta melaksanakan tindakan pencegahan dan intervensi awal sebelum hukuman berat dipertimbangkan.
- 7.2 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003 - Kuasa Guru Merotan Murid;**
 - ▶ Menetapkan bahawa hukuman rotan boleh dilaksanakan sebagai salah satu bentuk tindakan disiplin mengikut prosedur, had dan tatacara yang ditetapkan, serta direkodkan secara rasmi.
- 7.3 **Peraturan-Peraturan Pendidikan (Disiplin Sekolah) 1959 [Akta 550]**
 - ▶ Menggariskan kuasa Pengetua/Guru Besar dan Lembaga Tatatertib Sekolah berkaitan hukuman disiplin termasuk amaran, gantung sekolah dan buang sekolah, yang hendaklah dilaksanakan secara berperingkat, adil dan berasaskan siasatan yang menyeluruh.
- 7.4 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2011 - Pelaksanaan Program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) Polis Diraja Malaysia (PDRM);**
 - ▶ Menggalakkan kerjasama strategik antara pihak sekolah dan PDRM melalui PPS bagi tujuan pencegahan salah laku, intervensi awal, pendidikan undang-undang serta pembentukan sahiah murid.
- 7.5 **Surat Pekeliling Ikhtisas berkaitan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah**
 - ▶ Menekankan peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling dalam pelaksanaan intervensi psikososial, kaunseling individu/kelompok dan sokongan berterusan khususnya bagi murid yang terlibat dengan kesalahan disiplin berat.
- 7.6 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/2023 – Pelaksanaan Pengurusan Salah Laku Buli**
- 7.7 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2023 – Pelaksanaan Pengurusan Salah Laku Seksual**

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.23 (25)

8. Bersama-sama ini disertakan **Lampiran A** dan **Lampiran B** untuk rujukan pihak sekolah. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, sila berhubung dengan **YM Tengku Mohd Majid bin Tunku Mahmud, Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid** dan boleh dihubungi di talian **09-6213200** atau **019-2637950**.

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



KAMSAH@KAMAL BIN MOHAMED,P.J.C
Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k.
Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembangunan Murid
Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

- Makluman tuan
- Makluman tuan



Tatacara Mesyuarat Lembaga Disiplin Sekolah: Panduan Hukuman Gantung & Buang Sekolah

Langkah 1: Pengeluaran Surat Panggilan Mesyuarat



Surat rasmi mesti dibantar kepada Pengetua, PK HEM, Guru Disiplin, Kaunselor, PPS (PDRM & JPN), Wakil PIBG, Ibu bapa/penjaga, dan Pelajar untuk memaklumkan mesyuarat tatatertib.



Pengetua



PK HEM



Guru Disiplin



Kaunselor



PPS (PDRM & JPN)



Wakil PIBG



Ibu bapa/penjaga



Pelajar

Perjalanan Mesyuarat Tatatertib



Langkah 2: PK HEM Mempengerusikan Mesyuarat

Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM) bertanggungjawab mengatui dan mengawal perjalanan mesyuarat bagi memastikan kelancaran prosedur.



Langkah 3: Guru Disiplin Membacakan Pertuduhan

Guru Disiplin membentangkan kes dan membacakan setiap pertuduhan salah laku pelajar secara terperinci untuk rekod mesyuarat.



Langkah 4: Kaunselor Melaporkan Sesi Kaunseling

Kaunselor membentangkan laporan mengenai latar belakang pelajar, keadaan emosi, dan hasil sesi intervensi yang telah dijalankan sebelum ini.



Langkah 5: Pengetua/Guru Besar Membacakan Hukuman

Berdasarkan perbincangan mesyuarat, Pengetua/Guru Besar memuktamadkan hukuman dan boleh mendengar raynan terakhir sebelum keputusan rasmi dibuat.



Langkah 6: Penerangan Keputusan Hukuman

Penyerahan surat hukuman secara rasmi disertakan dengan penerangan oleh PK HEM mengenai kesan hukuman dan sebab-sebab keputusan diambil kepada ibu bapa dan pelajar.

Pelaksanaan & Rayuan



Langkah 7: Perincian Hukuman Gantung Sekolah

Pelajar dilarang sama sekali berada di kawasan sekolah sepanjang tempoh hukuman dan wajib melapor diri serta menandatangani akujanji selepas tamat tempoh penggantungan.



Langkah 8: Hak Rayuan Hukuman Buang Sekolah

Bagi kes buang sekolah, pelajar mempunyai hak untuk mengemukakan surat rayuan bersekolah semula kepada PPD atau JPN dalam tempoh 30 hari dari terikh surat hukuman.